



## **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR**

#### **ISU PENJUALAN TELUR TIRUAN DI PASARAN TEMPATAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berhubung isu penjualan telur tiruan di pasaran tempatan yang disebarakan melalui laman sosial kebelakangan ini. Laporan berkenaan menyatakan bahawa wujudnya penjualan telur tiruan di pasaran tempatan yang menyamai telur asli.

KKM memandang serius berkaitan isu ini. Perbuatan menjual telur tiruan adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 14(1) dan 14(2), Akta Makanan 1983 dan Peraturan 171(1) Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Seksyen 14(1) menyatakan larangan menjual apa-apa makanan yang bukan dari jenis, bahan atau kualiti bagi makanan tersebut dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tidak lebih daripada lima tahun atau denda atau kedua-duanya. Seksyen 14(2) pula melindungi pembeli yang meminta untuk membeli makanan yang mematuhi Akta ini. Peraturan 171(1) memperuntukkan definisi telur di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Pada tahun 2011 isu yang sama juga telah ditimbulkan dengan dakwaan wujudnya telur tiruan yang mengandungi bahan-bahan kimia dengan cengkerangnya diperbuat daripada kalsium karbonat. Kuning dan putih telur diperbuat dari natrium alginate, alum, gelatine, asid benzoik, kalsium klorida serta air dan bahan pewarna makanan.

KKM telah menjalankan siasatan berkaitan perkara ini dan mendapati tiada telur tiruan dijual di pasaran tempatan.

KKM berharap orang ramai tidak perlu risau dan memohon kerjasama untuk tampil membuat aduan jika meragui tentang ketulenan telur berkenaan kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan atau melalui laman web <http://fsq.moh.gov.my>

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**TARIKH: 23 SEPTEMBER 2014**